

SYARAT-SYARAT BAGI LESEN GUDANG PENGILANGAN BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65A AKTA KASTAM

Conditions of Licenced Manufacturing Warehouse Under Section 65A Of the Customs Act 1967

1. Lesen dan Pelan GPB yang diluluskan Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
The approved License and LMW Plan by the State Director of Customs / Director of Customs must be displayed prominently on the premises.
2. GPB hanya layak mendapat penangguhan bagi duti import dan pengecualian duti eksais, dan GPB tidak dikenakan cukai jualan ke atas bahan mentah/komponen/bahan pembungkusan/alat bantu pengilangan/peralatan *cleanroom* atau mesin dan peralatan, tidak termasuk *forklift / crane / construction / building material / equipment, office equipment / furniture, fire-fighting and pollution equipment and vehicles, generator, petroleum and petroleum products, tyre, explosive and chemicals, air conditioning equipment* dan alat-alat berkaitannya dan pakaian kakitangan.
LMW is only eligible for suspension on import duty and exemption on excise duty, and sales tax shall not be levied on LMW for the raw materials / components / packaging materials / manufacturing aids / cleanroom equipment or machinery and equipment, excluding forklift / crane / construction / building material / equipment, office equipment / furniture, fire-fighting and pollution equipment and vehicles, generator, petroleum and petroleum products, tyre, explosive and chemicals, air conditioning and related equipment and staff uniforms.
3. GPB adalah tidak layak mendapat penangguhan atau pengecualian ke atas duti/cukai selainnya termasuk duti timbal balas dan anti lambakan, duti eksport, levi, ses, Low Value Goods (LVG), cukai perkhidmatan dan lain-lain.
LMW is not eligible for any other duty/tax suspension or exemption, including countervailing and anti-dumping duties, export duty, levy, cess, Low Value Goods (LVG), service tax, and others.
4. Hanya bahan mentah/komponen/bahan pembungkusan/alat bantu pengilangan /peralatan *cleanroom* atau mesin dan peralatan yang digunakan secara langsung di dalam pengilangan dan barang siap yang telah diluluskan oleh Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam boleh disimpan dalam Gudang Pengilangan Berlesen.
No dutiable goods other than raw materials / components / packaging materials/ manufacturing tools / cleanroom tools or machinery used directly in manufacturing, and manufactured goods which have been approved by the State Director of Customs / Director of Customs may be stored in the licensed manufacturing warehouse.
5. GPB adalah bertanggungjawab untuk mengikrar dan mengemukakan apa-apa borang Kastam dan permohonan yang berkaitan keluar dan masuk barang-barang. Tiada apa-apa barang boleh dipindahkan untuk kegunaan tempatan kecuali selepas pembayaran duti/cukai Kastam dijelaskan.
LMW is responsible for Customs forms declaration and submission and any applications related to the import and export of goods. No goods may be transferred for local consumption unless Customs duties/taxes have been fully paid.
6. Aktiviti pengilangan dan pergerakan keluar masuk barang-barang berduti dan barang-barang yang dikilangkan boleh dibenarkan pada setiap masa pada mana-mana hari mengikut keperluan GPB setelah mendapat kelulusan pegawai kastam yang hak.
Manufacturing activities and the movement of dutiable goods and manufactured goods may be allowed at any time on any day according to the needs of the LMW, subject to the approval of the proper customs officer.
7. Perubahan kepada susun atur pelan lantai, struktur bangunan dan alat kelengkapan di premis yang dilesen tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis dari Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam.
Changes to the floor plan layout, building structure, and equipment at the licensed premises are not allowed except with written approval from the State Director of Customs / Director of Customs.
8. Pengarah Kastam Negeri/ Pengarah Kastam boleh pada bila-bila masa menghendaki GPB membuat apa-apa perubahan yang difikirkannya perlu pada sesuatu pelan.
State Director of Customs / Director of Customs may at any time direct LMW to make any changes in the plan deem necessary.

9. GPB perlu memastikan premis dikawal 24 jam, selamat dan dilengkapi dengan kawalan keselamatan seperti pengawal keselamatan, CCTV dan sistem penggera keselamatan.
GPB must ensure that the premises are monitored 24 hours a day, secure, and equipped with security measures such as security guards, CCTV, and a security alarm system.
10. Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam boleh mengarah GPB supaya memasang apa-apa kunci, meterai atau lain-lain alat keselamatan yang difikirkan perlu untuk menjamin keselamatan hasil negara.
The State Director of Customs / Director of Customs may require LMW to install any lock, seal or other safety equipment deemed necessary to ensure against the loss of revenue.
11. Sebarang pemindahan premis GPB perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam.
Any relocation of LMW premises must obtain prior approval from the State Director of Customs / Director of Customs.
12. GPB hendaklah mengemukakan kepada Pejabat Kastam Cawangan Perindustrian penyata bulanan dalam Bahasa Malaysia pada 28 haribulan, bulan berikutnya. Penyata-penyata hendaklah disahkan oleh pegawai akaun syarikat yang mengandungi butir-butir seperti berikut: -
LMW shall submit to the Industrial Section of the Customs Office, a monthly statement in Bahasa Malaysia by the 28th day of the following month. The statement should be certified by the Company's Account Officer with particulars as follows:
- (a) Baki tiap-tiap jenis bahan mentah / komponen dalam simpanan pada awal bulan.
Stock balance of each type of raw materials / components in storage at the beginning of the month.
 - (b) Jumlah tiap-tiap jenis bahan mentah / komponen yang diimport dalam bulan yang berkenaan dan harga CIF nya.
The number of each type of raw materials / components that were imported in that month and its CIF price.
 - (c) Jumlah tiap-tiap jenis bahan mentah / komponen yang dikeluarkan dalam bulan yang berkenaan untuk tujuan pengilangan.
Total quantity of each type of raw materials / components used in that month for the purpose of manufacturing.
 - (d) Baki tiap-tiap jenis bahan mentah / komponen dalam simpanan pada akhir bulan.
Stock balance of each type of raw material / components in storage at the end of the month.
 - (e) Baki tiap-tiap jenis barang keluaran siap dalam simpanan pada awal bulan berkenaan.
Stock balance of each type of finished products at the beginning of the month.
 - (f) Jumlah tiap-tiap jenis barang keluaran siap yang dibuat / kilang dalam bulan berkenaan.
Total of each type of finished products manufactured within the month.
 - (g) Jumlah tiap-tiap jenis barang keluaran siap yang dijual di pasaran tempatan dalam bulan berkenaan. (Catatan nombor daftar Borang Kastam No. 9 yang berkenaan)
Quantity of each type of finished products sold in the local market within the month. (Please note the registration number of related Customs Form No. 9)
 - (h) Jumlah tiap-tiap jenis barang keluaran siap yang dieksport dalam bulan berkenaan (Catatan nombor daftar Borang Kastam No.2 / Borang GPB-1 / Borang GPB-2A / Borang GPB-2B yang berkenaan)
Quantity of each type of finished products exports within the month (Please note the registration number of Customs Form No.2 / / Form GPB-1 / Form GPB-2A / Form GPB-2B which applied)
 - (i) Baki tiap-tiap jenis barang keluaran siap dalam simpanan pada akhir bulan berkenaan.
Stock balance of each type of finished products at the end of the month.
 - (j) Jumlah hampas, sisa dan sampah pengilangan dalam bulan berkenaan.
Quantity of waste and waste production within the month.

(k) Jumlah hampas, sisa dan sampah pengilangan yang dilupuskan dalam bulan berkenaan.
Quantity of waste and waste production that have been disposed within the month.

13. GPB hendaklah mengemukakan penyata tahunan yang mengandungi butir-butir mengenai bahan mentah / komponen yang digunakan, pengeluaran barang siap, pelepasan dan baki stok untuk tempoh 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun menggunakan format seperti di lampiran M4 yang disahkan dan ditandatangani oleh akauntan syarikat atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh GPB ke stesen yang mengawal sebelum 31 Januari tahun berikutnya. Penyata tersebut hendaklah disertakan dengan Laporan Tahunan Kewangan Syarikat yang telah diaudit oleh audit bebas. Walau bagaimanapun sekiranya Laporan Tahunan Kewangan Syarikat tidak bersamaan dengan tempoh penyata tahunan, Laporan Tahunan Kewangan Syarikat hendaklah dikemukakan kepada jabatan dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh tahun kewangan syarikat. Laporan Tahunan Kewangan Syarikat hendaklah telah diaudit oleh audit bebas.
LMW shall submit Annual Statement containing details of raw materials / components used, finished good produced, released and balance stock for the period 1 January to 31 December of each year using the format in Annex M4 certified and signed by the accountant of the company or other authorized officer by the LMW to the Customs Station before January 31 of the following year. The statement shall be accompanied by the Annual Financial Statement of the Company which has been audited by an independent auditor. However, if the Annual Financial Report of the Company differ with the period of annual statement, the Company's Annual Finance Report shall be submitted to the department within 30 days after the expiration of the company's financial year. Annual Financial Report of the Company must be audited by an independent audit.
14. GPB hendaklah memastikan penyata yang dikemukakan adalah betul.
LMW must ensure that the statement submitted is accurate.
15. GPB yang berstatus *Authorised Economic Operator (AEO)* adalah layak mendapat apa-apa faedah yang berkaitan.
LMWs with Authorised Economic Operator (AEO) status are eligible for any related benefits.
16. Barang-barang yang dibenarkan disimpan di dalam Gudang Pengilangan Berlesen hendaklah ditandakan dan disusun dengan apa cara yang memuaskan bagi keselamatan barang-barang tersebut sebagaimana diarahkan dan untuk pemeriksaan pihak Kastam.
Goods stored in the Licensed Manufacturing Warehouse should be arranged and labelled in such to ensure security as directed and for Customs inspection.
17. Barang keluaran siap Gudang Pengilangan Berlesen hendaklah disimpan berasingan dari bahan mentah / komponen atau sisa pengilangan.
Finished goods manufactured in Licensed Manufacturing Warehouse are to be kept separate from raw materials / components or manufacturing waste.
18. Sekurang-kurangnya % keluaran siap (mengikut nilai) adalah untuk dieksport dan tidak melebihi% dari keluaran siap (mengikut nilai) itu untuk dijual di pasaran tempatan bagi tempoh dua belas (12) bulan dalam tempoh pelesenan mulai tarikh diluluskan. Pelepasan untuk pasaran tempatan adalah tertakluk kepada apa-apa duti / cukai yang berkenaan pada masa itu.
At least% finished product (by value) are to be exported, and not exceeding.....% of the finished product (by value) can be sold in the local market for the period of twelve (12) months within licensing period starting from the approval date. Goods sold in domestic market are subject to any prevailing duties / tax at the time.
19. Pelupusan sisa dan hampas pengilangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam.
Disposal of waste including manufacturing waste is subject to the written approval of the State Director of Customs / Director of Customs.
20. GPB adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penerimaan, pemindahan dan penyimpanan barang-barang berduti di dalam Gudang Pengilangan Berlesen. Semua barang perlu disimpan di premis yang diluluskan oleh Kastam.
LMW is responsible for receiving, movement and storage of dutiable goods in the Licensed Manufacturing Warehouse. All goods must be stored in the premised approved by Customs.

21. GPB akan dikenakan jaminan bank / bon am sebanyak RM..... untuk menjamin keselamatan duti ke atas bahan mentah / komponen, barang siap yang disimpan dalam Gudang Pengilangan Berlesen dan pemindahan barang-barang berduti.
Bank Guarantee / General Bond amounting RM..... is required from LMW to ensure the safety of duties on raw materials / components, finished goods stored in the Licensed Manufacturing Warehouse and the movement of dutiable goods.
22. GPB hendaklah memohon kelulusan bagi sebarang penambahan barang siap dan apa-apa yang berkaitan.
LMW must obtain approval for any addition of finished goods and any related matters.
23. GPB hendaklah menyimpan rekod-rekod harian mengenai jumlah bahan mentah/komponen dalam stor, jumlah yang dikeluarkan untuk pengilangan dan jumlah barang keluaran siap. Dalam rekod berkenaan hendaklah dicatatkan baki pada penghujung tiap-tiap hari, butir-butir bahan mentah/komponen dan barang keluaran siap.
LMW shall keep and maintain daily records of the quantity of raw materials / components in the store, the quantity used for manufacturing and the stock of finished goods produced.
24. GPB hendaklah menyimpan dan mengemaskini senarai inventori bagi mesin / peralatan yang diperolehi dengan pengecualian duti / cukai dalam format Lampiran F.
LMW must keep and update the inventory list for machinery / equipment obtained with duty / tax exemption in the format of Appendix F.
25. GPB hendaklah memberitahu pegawai kastam yang hak secara bertulis bila berlaku salah satu dari perkara-perkara berikut dalam tempoh 14 hari:
LMW shall notify the proper officer of customs in writing within 14 days if;
- (a) Perubahan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat.
(There is a change in the Board of Directors of the Company.)
 - (b) Satu ketetapan, diluluskan untuk penggulungan syarikat.
(Company has been wound up)
 - (c) Suatu Perintah dibuat untuk penggulungan syarikat.
(An application for winding up the company.)
 - (d) Pelantikan pelikuidasi atau penerima dibuat.
(Appointment of receiver or liquidator has been made.)
 - (e) Apa-apa perubahan yang terdapat dalam lesen GPB.
(Any changes found in the LMW licence.)
26. GPB hendaklah melaporkan sebarang kes kebakaran, bencana alam, kecurian, kemalangan atau kehilangan yang melibatkan bahan mentah, barang siap dan mesin-mesin. Laporan tersebut hendaklah mengandungi butir-butir kuantiti dan duti yang terlibat berserta dengan laporan siasatan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Polis.
LMW has to report any case of fire, natural disaster, theft, accident or loss of raw materials, finished goods and machines. The report should contain quantity details and the duty involved together with the investigation report from the Fire and Rescue Department and Police Department.
27. GPB adalah tertakluk kepada pembayaran fi lesen sebanyak RM2,400.00 bagi tempoh 12 bulan.
LMW is subject to a licence fee payment of RM2,400.00 for a 12-month period.
28. Permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dibuat dalam format seperti di Lampiran 'B' kepada Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam sekurang-kurangnya enam puluh (60) hari sebelum tarikh luput tempoh lesen.
Application for renewal of LMW shall be made in the format as in Appendix 'B' to the State Director of Customs / Director of Customs at least sixty (60) days before the expiry of the license.

29. Semua duti / cukai yang terlibat ke atas bahan mentah yang masih berbaki, komponen dan barang siap hendaklah dijelaskan (jika ada) terlebih dahulu sebelum lesen dibatalkan samada disebabkan pelanggaran syarat atau syarikat memohon untuk memberhentikan operasi.
All duty/tax involved on the balance of raw materials, components and finished goods are payable (if any) before cancellation of license due to breach of conditions or company apply to cease operations.
30. Pengeluaran sesuatu lesen tidaklah melepaskan pemohon atau GPB dari kewajiban mematuhi kehendak-kehendak mana-mana undang-undang bertulis yang berkenaan dengan lain-lain perniagaannya.
The issue of a license shall not relieve the applicant or LMW from the obligation to comply with the requirements of any written law relating to other business.
31. Syarikat hendaklah menyediakan dan menyelenggara serta menyimpan rekod dengan selamat untuk tempoh tujuh (7) tahun ke atas butir-butir bahan mentah / komponen / alat ganti / barang siap, sisanya dan lain-lain, atau sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh Pengarah Kastam Negeri/ Pengarah Kastam.
The Company shall prepare and maintain proper records for a period of seven (7) years on the details of raw materials / components / parts / finished goods, waste, etc., or as determined by the State Director of Customs / Director of Customs.
32. GPB perlu menyimpan rekod untuk mesin dan peralatan yang diberi pengecualian duti / cukai untuk tempoh sekurang - kurangnya sepuluh (10) tahun atau sehingga dilupuskan. Rekod ini hendaklah tersedia untuk diperiksa oleh Kastam pada bila-bila masa diperlukan dan semasa pelupusan. Semua mesin dan peralatan tidak boleh dilupus dan dikeluarkan dari kilang GPB tanpa kelulusan Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Kastam. Duti cukai yang terlibat bagi mesin dan peralatan yang mana jangka hayat kurang dari 10 tahun daripada tarikh pengecualian diberikan hendaklah dijelaskan (jika berkenaan).
The LMW is required to keep and maintain record on exempted machines and tools for a period at least ten (10) years or until disposed. These records shall be made available for inspection by Customs when required and during disposal. All machinery and equipment may not be disposed of or removed from the LMW factory without the approval of the State Director of Customs / Director of Customs. The duties/taxes involved for machineries and equipments which the life span is less than 10 years from the date of exemption is to be paid (if applicable).
33. Hanya satu entiti sahaja yang dibenarkan beroperasi di dalam premis GPB. Sebarang perkongsian dengan entiti lain dalam kawasan yang sama adalah tidak dibenarkan.
Only one entity is allowed to operate within the premises of LMW. Any sharing with other entities within the same area is not permitted.
34. Syarikat adalah tidak dibenarkan untuk melakukan aktiviti perdagangan (*trading*) yang berunsurkan keuntungan bagi barang-barang yang telah dibawa masuk ke premis GPB menggunakan pengecualian / kemudahan GPB.
The company is not allowed to carry out trading activities (trading) that have a profit for goods that have been brought into the LMW premises using the LMW exemption / facilities.
35. Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua syarat lesen yang ditetapkan dan syarat kemudahan serta aktiviti yang diluluskan seperti Aktiviti Tambah Nilai (VAA), kemudahan di bawah ATIGA, Pusat Pengedaran Antarabangsa (IPC), Pusat Pengedaran Serantau (RDC) dan lain-lain.
LMW must comply with all stipulated licence conditions and the conditions for approved facilities and activities, such as Value-Added Activities (VAA), facilities under ATIGA, International Procurement Centre (IPC), Regional Distribution Centre (RDC), and others.
36. Pelanggaran mana-mana syarat pelesenan di atas adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen GPB atau dikenakan kompaun di bawah Akta Kastam 1967 dan Peraturan-Peraturan Kastam 2019.
Breach of any conditions of the license is an offence which the license can be revoked or compounded under the Customs Act 1967 and the Customs Regulations 2019.
37. Lesen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya berlaku pelanggaran syarat, di bawah Akta Kastam 1967 atau Peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di bawahnya.
This license can be revoked at any time in the event of breach of conditions, under the Customs Act 1967 or Regulations thereunder.

38. Syarat-syarat di atas boleh dipinda, ditambah atau diubahsuai bila-bila masa jika didapati perlu.
The conditions above may be amended, added or modified at any time if necessary.

Saya telah membaca, memahami dan bersetuju dengan syarat-syarat seperti di atas :-
I have read, understand and agree to the conditions as above :-

Tarikh / Date :

.....
(Tandatangan Pengarah / *Director Signature*)

Nama / Name :

Jawatan / Position :

Cop Syarikat / *Company Stamp* :

Nota : Salinan syarat-syarat yang telah ditandatangani syarikat hendaklah dikembalikan ke JKDM segera.
Note: A copy of the conditions that have been signed by the company must be returned to JKDM immediately.